



Selamat Datang  
Ke Laman Portal  
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

Selasa, November 15, 2016

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

CARI

| A- | A+ | EN | RU | AR

**BERITA »**

**UPM anjur RedangJuniors@UPM bagi pelajar sekolah rasai pengalaman di IPT**



Oleh: Dr. Muslihah Hasbullah

**PULAU REDANG (TERENGGANU)** – Fakulti Ekologi Manusia (FEM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Sekolah Kebangsaan Pulau Redang, Kuala Terengganu menganjurkan program RedangJunior@UPM bagi pelajar sekolah itu merasai pengalaman di institusi pengajian tinggi (IPT).

Ketua program, Dr. Muslihah Hasbullah berkata program transformasi pendidikan itu bermatlamat membantu meningkatkan pencapaian akademik serta mengukuhkan sahsiah pelajar.

"Objektif program adalah untuk meneruskan pembelajaran melalui pengalaman (experiential learning) dengan meneroka pembelajaran di luar bilik darjah. Kehadiran murid dan guru ke UPM juga dapat mengukuhkan jaringan kerjasama antara FEM dengan Sekolah Angkat," katanya.

Beliau berkata, program itu merupakan kesinambungan Program Jelajah Siswa Kembara Insan 3 (JESKI 3), iaitu jaringan komuniti dan transformasi pendidikan yang dijalankan oleh Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga (JPMPK) FEM di Pulau Redang selama tiga tahun berturut-turut (2014-2016).

"Hasil daripada kerjasama itu, program ini telah diiktiraf sebagai program berimpak tinggi dan seterusnya menjadi program angkat FEM pada tahun 2015. Program sebegini adalah penting untuk mendedahkan pelajar dengan aktiviti pembelajaran sepanjang hayat serta memupuk budaya cintakan ilmu," katanya.

Graduan Master Sains (Pembangunan Manusia), UPM, Nurhilmayani Ismail berkata bertugas sebagai fasilitator untuk program itu membantu beliau untuk meningkatkan kemahiran insaniah (KI) serta peluang untuk menyumbang ilmu kepada pelajar sekolah berkenaan.

"Program ini membantu saya meningkatkan kemahiran berkomunikasi bersama pelajar sekolah. Harapan saya pelajar Pulau Redang akan belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran," katanya.



Program itu yang dianjurkan dengan kerjasama Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Rakit dengan JPMPK FEM dan Sekolah Kebangsaan Pulau Redang, Kuala Terengganu membawa seramai 31 orang murid serta lapan orang guru pengiring sekolah itu ke UPM untuk lawatan sehari.

Mereka dibawa merasai pengalaman di Edu Park UPM iaitu di Ladang Rusa, Muzium Anatomi Haiwan di Fakulti Perubatan Veterinar serta Muzium Anatomi Manusia di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan.

Pendedahan awal kepada murid-murid mengenai pembelajaran dan kehidupan di kampus diharap dapat membuka minda mereka untuk belajar ke peringkat yang lebih tinggi.

Mereka juga mempelajari mengenai pengurusan kewangan melalui permainan 'Kit Bijak Wang' di bawah bimbingan Prof. Madya Dr. Mohd Fazli Sabri. - UPM

